

15/11/1997

Agong ucap tahniah kepada Arafat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Yasser Arafat sempena Hari Kemerdekaan Palestin hari ini.

Dalam perutusan yang sama kepada Arafat, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan harapan Arafat meneruskan usaha mencapai kemajuan dan kemakmuran bagi negara dan rakyat Palestin.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam perutusan kepada rakan sejawatnya Farouk Kaddoumi, berkata hubungan Malaysia dan Palestin memang erat dan mesra.

"Semoga hubungan dan kerjasama erat ini dipertingkatkan bagi manfaat rakyat kedua-dua negara," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra. - Bernama

(END)